

# PEMERIHAN RETROSPEKTIF KOMUNITI GELANDANGAN MUSLIM DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN LITERATUR

## *A RETROSPECTIVE ANALYSIS OF THE MUSLIM HOMELESS COMMUNITY IN MALAYSIA: A LITERATURE REVIEW*

Muhammad Zharif Baharudin<sup>1</sup>  
Ahmad Fakhrurrazi Mohammed Zabidi<sup>2</sup>  
Ezad Azraai Jamsari<sup>3\*</sup>

<sup>1</sup> Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: zharifbaha@gmail.com)

<sup>2</sup> Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: izzar@ukm.edu.my)

<sup>3</sup> Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: ezad@ukm.edu.my)

\*Corresponding author: ezad@ukm.edu.my

### Article history

Received date : 4-3-2026  
Revised date : 5-3-2026  
Accepted date : 1-4-2026  
Published date : 8-4-2026

### To cite this document:

Baharudin, M. Z., Mohammed Zabidi, A. F., & Jamsari, E. A. (2026). Pemerihalan retrospektif komuniti gelandangan Muslim di Malaysia: Satu tinjauan literatur. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (81), 562 – 574.

**Abstrak:** *Fenomena gelandangan Muslim di Malaysia mencerminkan isu sosial yang semakin kompleks dalam lanskap pembangunan kontemporari, namun kajian sistematik terhadapnya masih terhad, khususnya dari perspektif integrasi antara kebajikan sosial dan keagamaan. Kekaburan dalam definisi konseptual, pendekatan dasar yang bersifat reaktif, serta kecenderungan melihat gelandangan sebagai manifestasi kegagalan individu telah melemahkan perumusan intervensi yang holistik dan berkesan. Sehubungan itu, makalah ini bertujuan mengkaji secara retrospektif dan kritis literatur berkaitan komuniti gelandangan Muslim di Malaysia, dengan menekankan faktor penyumbang, peranan instrumen zakat, sokongan keagamaan, serta keberkesanan inisiatif kerajaan dan organisasi bukan kerajaan (NGO). Penulisan ini bersifat kajian kualitatif melalui kaedah tinjauan literatur dengan pengaplikasian reka bentuk kajian sejarah dan analisis kandungan. Kajian ini menggunakan metode dokumentasi sebagai kaedah pengumpulan data dengan memfokuskan pada beberapa sumber yang meyakinkan. Manakala bagi kaedah analisis data, kajian ini menggunakan pendekatan deskriptif menerusi analisis kritikan dalaman dan kritikan luaran terhadap dokumen dan teks sejarah yang relevan. Dapatan kajian ini menghujahkan bahawa fenomena gelandangan Muslim berpunca daripada interaksi kompleks antara kemiskinan struktural, kerapuhan institusi keluarga, tekanan hutang, isu kesihatan mental, dan kelemahan penghayatan agama. Pada masa yang sama, inisiatif sedia ada didapati lebih bersifat jangka pendek dan kurang berorientasikan pemerikasaan lestari. Penulisan ini menegaskan bahawa penanganan isu gelandangan Muslim memerlukan anjakan paradigma ke arah pendekatan holistik yang mengintegrasikan pemerikasaan ekonomi, sokongan psikososial, pengukuhan*

*identiti Islam berteraskan tauhid, serta pengoptimuman instrumen zakat selaras dengan prinsip Maqasid al-Shariah. Pendekatan ini bukan sahaja bertujuan pemulihan fizikal dan sosial, tetapi juga menjamin pemulihan bermaruah, berdaya tahan dan selaras dengan nilai keadilan serta rahmat dalam masyarakat Islam di Malaysia.*

**Kata kunci:** *Gelandangan Muslim; Zakat; Kebajikan Sosial; Pemeraksanaan; Maqasid al-Shariah; Pembangunan Kontemporari*

**Abstract:** *The phenomenon of Muslim homelessness in Malaysia reflects an increasingly complex social issue within the contemporary developmental landscape; however, systematic research remains limited, particularly regarding the integration of social welfare and religious perspectives. Ambiguities in conceptual definitions, reactive policy approaches, and the tendency to view homelessness as a manifestation of individual failure have undermined the formulation of holistic and effective interventions. Consequently, this paper aims to retrospectively and critically examine the literature concerning the Muslim homeless community in Malaysia, emphasizing contributing factors, the role of zakat instruments, religious support, and the efficacy of initiatives by the government and non-governmental organizations (NGOs). This qualitative study employs a literature review method utilizing historical research design and content analysis. Data collection was conducted through documentation methods focusing on credible sources, while data analysis involved a descriptive approach via internal and external criticism of relevant historical documents and texts. The findings argue that Muslim homelessness stems from a complex interaction between structural poverty, fragile family institutions, debt burdens, mental health issues, and a decline in religious practice. Furthermore, existing initiatives are found to be primarily short-term and lack sustainable empowerment orientations. This paper asserts that addressing Muslim homelessness requires a paradigm shift toward a holistic approach that integrates economic empowerment, psychosocial support, and the strengthening of Islamic identity rooted in Tawhid, alongside the optimization of zakat instruments aligned with the principles of Maqasid al-Shariah. Such an approach aims not only for physical and social rehabilitation but also ensures a dignified and resilient recovery consistent with the values of justice and rahmah (mercy) within the Malaysian Muslim community.*

**Keywords:** *Muslim Homelessness; Zakat; Social Welfare; Empowerment; Maqasid al-Shariah; Contemporary Development*

## **Pengenalan**

Fenomena gelandangan di Malaysia harus ditanggapi sebagai suatu konstruksi sosial yang rumit dan berlarian, merentas sempadan takrifan konvensional serta mencabar kefahaman institusi sedia ada. Ketiadaan satu definisi rasmi yang tuntas mengenai gelandangan, meskipun isu ini diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (MWFCD), menandakan kewujudan kekaburan konseptual dalam kerangka penggubalan dasar sosial negara serta menzahirkan kekaburan epistemologi dalam wacana kebajikan negara (Hisham & Amin, 2023). Kekaburan ini bukan sekadar persoalan pentakrifan teknokratik, bahkan mencerminkan keterbatasan gagasan pemikiran institusi dalam memahami realiti keterpinggiran yang wujud dalam kontinum pembangunan nasional. Dalam ironi sejarah sebuah negara membangun yang giat memacu kemajuan ekonomi dan infrastruktur, kewujudan gelandangan menjadi cerminan paradoks pembangunan, malah mencerminkan kegagalan membina gagasan pemikiran yang menyeluruh tentang keterpinggiran sosial dalam lanskap

pembangunan moden. Statistik menunjukkan bahawa pada tahun 2010, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengenal pasti seramai 1,646 individu gelandangan di seluruh negara, dengan tumpuan dominan di Kuala Lumpur. Naratif Shafi et al. (2024) dalam penulisannya merungkaikan bahawa menjelang 2019, seramai 1,439 individu direkodkan secara rasmi sebagai gelandangan dan lebih signifikan, hampir 38 peratus daripada kelompok ini terdiri daripada golongan muda berusia antara 18 hingga 30 tahun, sekali gus menyingkap dimensi generasi dalam krisis sosial yang semakin menyatu dalam struktur etika dan norma masyarakat.

Johari et al. (2025) dalam makalahnya yang berjudul ‘Classification of the homeless as one of Asnaf Zakat: A case study of the Federal Territory of Kuala Lumpur’, memperluas perspektif daripada naratif sempit yang melihat gelandangan sekadar sebagai individu tanpa kediaman tetap, realiti ini telah beralih menjadi suatu krisis sosio-perubatan yang jelas, menuntut anjakan paradigma dalam pendekatan dasar dan intervensi negara. Kehidupan di ruang awam tanpa perlindungan mendedahkan golongan gelandangan kepada risiko kesihatan yang berlarutan, merangkumi penyakit kronik, gangguan kesihatan mental serta terpinggir daripada akses rawatan asas dan pencegahan. Dalam kerangka pemikiran kesihatan awam, populasi ini membentuk suatu kumpulan tersembunyi yang sering terpinggir daripada perancangan strategik, namun kesannya bersifat kumulatif dan berjangka panjang terhadap sistem kebajikan dan kesihatan nasional. Kegagalan merumuskan intervensi perubatan yang holistik dan bersepadu bukan sahaja mengekalkan kitaran kemiskinan dan penderitaan, malah memperlihatkan ketempangan gagasan kesejahteraan sosial yang seharusnya berpaksikan prinsip keadilan dan kemanusiaan di Malaysia. Skala permasalahan ini dapat ditelusuri melalui data statistik yang tersedia, meskipun angka-angka tersebut perlu ditafsirkan secara kritis dan reflektif. Pada tahun 2016, dianggarkan antara 1,500 hingga 2,000 individu gelandangan berada di Kuala Lumpur sahaja, menggambarkan kepekatan krisis di pusat bandar utama, di ruang urban yang sering diraikan sebagai simbol kemodenan dan kemakmuran negara. Data daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merekodkan seramai 2,108 individu telah ‘diselamatkan’ di seluruh Malaysia pada tahun 2020 (Shafi et al., 2024). Walaupun statistik rasmi menunjukkan statik penurunan bilangan individu yang diselamatkan sejak 2017, penurunan ini tidak semestinya menandakan pengurangan sebenar populasi gelandangan. Sebaliknya, ia lebih mencerminkan keterbatasan pendekatan berasaskan penguatkuasaan yang hanya mendokumentasikan intervensi, bukannya keseluruhan realiti kehidupan di jalanan.

Menurut Halid (2025), Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Ahli Parlimen Santubong Datuk Seri Nancy Shukri menyatakan Konsepsi Data Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi tempoh 2021 hingga Mei 2025 merekodkan seramai 7,862 orang gelandangan atau orang papa telah diambil tindakan, dengan pola tahunan yang berfluktuasi dan mencerminkan sifat dinamik fenomena ini. Golongan dewasa berumur 18 hingga 59 tahun merupakan kumpulan terbesar, diikuti oleh warga emas berumur 60 tahun ke atas dan kanak-kanak bawah 18 tahun, sekali gus menunjukkan bahawa gelandangan merentasi pelbagai lapisan umur. Dari segi taburan geografi, Wilayah Persekutuan mencatatkan bilangan tertinggi, diikuti Pulau Pinang dan Johor, yang menandakan kepekatan isu gelandangan di kawasan bandar. Operasi pengendalian dilaksanakan oleh JKM secara ad hoc atau berjadual bersama agensi berkaitan di bawah peruntukan Akta Orang-Orang Papa 1977, manakala hasrat kerajaan untuk menggubal Rang Undang-Undang baharu menggambarkan keperluan kepada kerangka dasar yang lebih komprehensif dan berorientasikan pemerksaan jangka panjang (Halid, 2025). Dalam perspektif falsafah sejarah dan pemikiran institusi, statistik ini menjadi cerminan kegagalan struktur sosial untuk memutuskan rantai kemiskinan dan kerentanan kesihatan yang berulang, sekali gus menuntut pembinaan gagasan dasar baharu yang lebih

inklusif, berperikemanusiaan dan berpaksikan pemahaman mendalam terhadap martabat insan dalam arus wacana mutakhir pembangunan negara atau pembangunan kontemporari.



**Rajah1:** Berikut merupakan graf statistik yang terdiri daripada pecahan kumpulan umur golongan gelandangan, bilangan populasi gelandangan mengikut Negeri dan statistik gelandangan yang diselamatkan berdasar data yang dikeluarkan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (JKM) Penggal Keempat Parlimen ke-15 (2025).

### Faktor-faktor Penyumbang Komuniti Gelandangan Muslim

Faktor-faktor yang mencetuskan fenomena gelandangan di Malaysia bersifat kompleks, merangkumi dimensi sosioekonomi, struktur kebajikan serta kelemahan sokongan institusi. Antaranya termasuk pengangguran kronik, tahap pendapatan yang rendah, kekangan akses kepada perumahan mampu milik, faktor usia lanjut, bebanan hutang, ketagihan bahan terlarang seperti dadah dan alkohol serta masalah kesihatan mental yang tidak ditangani secara sistematik. Yani et al. (2016) mendapati populasi gelandangan di Kuala Lumpur menunjukkan bahawa pengangguran merupakan faktor dominan dengan kadar sebanyak 46.6 peratus, manakala 17.7 peratus lagi berpunca daripada pendapatan yang tidak mencukupi untuk menampung kos sara hidup bandar yang semakin meningkat. Statistik ini mencerminkan kegagalan mekanisme ekonomi dan jaringan keselamatan sosial dalam menyerap golongan rentan ke dalam arus kesejahteraan masyarakat arus perdana.

Dalam konteks komuniti Muslim pula, peningkatan kelompok gelandangan berkait rapat dengan dimensi psikososial dan kerohanian. Beberapa kajian mengemukakan bahawa fenomena ini dipengaruhi oleh kecelaruan identiti diri yang berpunca daripada pola pemikiran yang statik, keupayaan daya tahan (resilience) yang rapuh serta kelemahan pembinaan keperibadian. Dalam karya 'Islamic identity and religious support system for Muslim homelessness' penulis menghujahkan bahawa individu gelandangan Muslim lazimnya memperlihatkan tahap penghayatan agama (religiositi) yang rendah, disertai dengan tret personaliti yang tidak mantap, khususnya dari sudut disiplin diri dan orientasi makna hidup (Nong et al., 2022). Kekosongan ini sebahagian besarnya berpunca daripada kefahaman agama dan akidah yang terhad, sekali gus menghambat penghayatan Islam sebagai kerangka etika dan amalan kehidupan seharian. Tambahan pula, pemikiran negatif serta budaya melepak yang pada awalnya dinormalisasikan sebagai tingkah laku sosial biasa akhirnya membentuk trajektori kehidupan yang selari dengan kitaran kerapuhan sosial, seterusnya menyumbang kepada pengukuhan fenomena gelandangan dalam kalangan komuniti ini (Nong et al., 2022). Isu-isu lain yang dikenal pasti termasuk;

### Isu Kekeluargaan

Isu keluarga merupakan antara determinan sosial yang signifikan dalam menjelaskan trajektori kehidupan gelandangan. Kerapuhan institusi keluarga akibat konflik berpanjangan, perpecahan rumah tangga dan perceraian telah menghakis sokongan emosi serta jaringan perlindungan sosial yang sepatutnya berfungsi sebagai benteng awal kesejahteraan individu (Kaur et al., 2020). Dalam keadaan ini, sebahagian individu mengalami tekanan psikososial yang mendalam

sehingga memupuk rasa putus asa, keterasingan dan kehilangan makna hidup. Lebih kompleks lagi, terdapat kes tertentu dalam kalangan gelandangan Muslim yang memilih untuk memutuskan hubungan kekeluargaan, sama ada didorong oleh penderitaan akibat penyakit, krisis identiti, atau pencarian spiritual yang berakhir dengan penolakan terhadap ikatan keluarga dan agama asal (Shafi et al., 2024). Fenomena ini mencerminkan interaksi rumit antara dimensi emosi, keagamaan dan struktur sosial, sekali gus menuntut penelitian yang lebih mendalam melangkaui penjelasan material semata-mata. Seiring dengan penekanan syarak terhadap keutamaan menjaga dan membantu ahli keluarga. Kelebihan ini dijelaskan oleh Nabi Muhammad ﷺ dalam sepotong hadis:

الصَّدَقَةُ عَلَى الْمِسْكِينِ صَدَقَةٌ، وَعَلَى ذِي الرَّحِمِ تَتَانٌ: صَدَقَةٌ وَصِلَةٌ

Mafhumnya: Sedekah kepada orang miskin adalah satu sedekah, manakala sedekah kepada ahli keluarga merupakan dua kebaikan, iaitu sedekah dan silaturrahim.

Riwayat al-Nasai'e (2582) dan Ibn Majah (1844) dalam al-Tirmidzi (t.th.)

Hadis tersebut menunjukkan bahawa menunaikan zakat kepada ahli keluarga dan sanak-saudara membawa dua kebaikan, manakala menyalurkannya kepada golongan miskin memberikan satu kebaikan sahaja. Hakikatnya, apabila syarak menghadkan sesuatu amalan, ia secara serentak membuka pelbagai pintu kebaikan yang lain, menzahirkan kebijaksanaan dan hikmah ilahi dalam pengurusan sosial. Dalam sebuah hadis, Baginda Nabi Muhammad ﷺ menekankan kelebihan menyambung tali silaturrahim sebagaimana sabdanya:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ:  
مَنْ أَحَبَّ أَنْ يُبْسَطَ عَلَيْهِ فِي رِزْقِهِ وَأَنْ يُنْسَأَ لَهُ فِي أَثَرِهِ فَلْيَصِلْ رَحِمَهُ

Mafhumnya: Dari Abu Hurairah, ia berkata, Rasulullah SAW bersabda, "Siapa yang ingin dilapangkan rezekinya dan dipanjangkan umurnya maka hendaknya ia menyambung silaturrahminya (dengan kerabat)".

Imam al-Bukhari (5985), dan al-Bayhaqi dalam *Syu'abul Iman* (7571)

### Faktor Kewangan dan Hutang

Selain faktor kekeluargaan, tekanan ekonomi dan beban hutang berperanan sebagai pemangkin utama kepada kemerosotan kestabilan perumahan. Peningkatan kos sara hidup dalam konteks ketidakpastian ekonomi dan kemelesetan struktur, apabila digandingkan dengan tahap upah yang rendah serta peluang pekerjaan yang terhad, telah mewujudkan jurang ketara antara pendapatan dan keperluan asas. Ketidakupayaan menampung sewa bilik atau penginapan secara konsisten mendorong individu ke arah Penundaan obligasi kewangan, seterusnya merencat asas kelestarian kewangan mereka (Drani et al., 2020). Taktala, catatan Chamberlain dan MacKenzie (2006) serta kajian Hamdan dan Herman (2020) membuktikan keadaan ini menandakan permulaan yang boleh ditafsirkan sebagai laluan krisis perumahan (housing crisis career), iaitu satu proses berperingkat yang menyaksikan peralihan daripada ketidakstabilan ekonomi kepada kehilangan tempat tinggal secara total. Justeru, gelandangan bukan sekadar manifestasi kegagalan individu, sebaliknya merupakan cerminan ironi struktur ekonomi mutakhir yang gagal menjamin keadilan sosial dan keselamatan hidup golongan rentan.

### Kesihatan dan Mental

Johari et al. (2025) mengungkap aspek kesihatan fizikal dan kesejahteraan mental merupakan antara faktor signifikan yang menyumbang kepada fenomena gelandangan. Golongan

gelandangan lazimnya berhadapan dengan pelbagai penyakit kronik seperti diabetes, hipertensi dan gangguan fungsi hati, yang sering kali tidak dirawat secara berterusan akibat kekangan akses, ketiadaan sokongan sosial serta keutamaan kepada kelangsungan hidup harian (Shafi et al., 2024). Keadaan ini mendorong mereka menanggung rawatan perubatan sehingga tahap penyakit menjadi semakin serius dan kompleks, sekali gus memburukkan lagi keadaan kesihatan serta keupayaan mereka untuk keluar daripada kitaran gelandangan.

### **Kerangka Klasifikasi dan Pengurusan Zakat bagi Sokongan Komuniti**

Lingkungan sokongan keagamaan, khususnya melalui instrumen zakat, merupakan antara mekanisme institusi Islam yang bermakna dari sudut konseptual dalam usaha memutuskan kitaran gelandangan dalam kalangan komuniti Muslim. Zakat bukan sekadar berfungsi sebagai bantuan kewangan berorientasikan kebajikan sosial semata, malah berperanan sebagai instrumen keadilan sosial yang berteraskan Maqasid al-Shariah, iaitu pemeliharaan maruah insan, kelangsungan hidup dan kestabilan sosioekonomi golongan rentan. Dalam konteks ini, Matali dan Rahman (2019) menghuraikan dalam makalahnya ‘Pemeriksaan institusi zakat dalam menangani keperluan individu mufliis di bawah Asnaf al-Gharimin di Brunei Darussalam’, bahawa golongan gelandangan lazimnya diletakkan dalam kategori asnaf yang paling hampir dengan permasalahan kemiskinan struktural, khususnya fakir dan miskin, malah dalam keadaan tertentu boleh juga dikaitkan dengan Asnaf al-Gharimin apabila beban hutang menjadi punca utama kehilangan tempat tinggal. Pengelasan ini bukan bersifat statik, sebaliknya mencerminkan realiti dinamik kehidupan gelandangan yang terperangkap antara kekurangan sumber, kerapuhan jaringan sosial dan kegagalan sistem ekonomi arus perdana. Oleh yang demikian, penyelarasan agihan zakat yang bersepadu, bersasar dan berorientasikan pemerikasaan jangka panjang menjadi keperluan mendesak bagi memastikan zakat berfungsi bukan hanya sebagai talian hayat sementara, tetapi sebagai pemangkin transformasi sosial yang berupaya mengembalikan gelandangan kepada kehidupan yang bermaruah dan berdaya tahan.

Oleh yang demikian, nas-nas syarak dipenuhi dengan penegasan dan huraian yang teliti mengenai tanggungjawab sosial terhadap golongan yang memerlukan. Ia juga mengandungi peringatan keras terhadap sikap alpa atau cuai dalam memenuhi keperluan fakir dan miskin, serta kegagalan berusaha menyalurkan pertolongan yang sewajarnya. Lebih daripada itu, nas syarak menzahirkan kecaman terhadap sikap bakhil yang mengekang aliran harta daripada memberi manfaat kepada golongan kurang berkemampuan, sekaligus menegaskan prinsip amanah, keadilan, dan rahmat sebagai teras etika sosial dalam masyarakat Islam. Perkara ini berkait dengan satu hadis yang diriwayatkan oleh Ali bin Abi Talib:

إِنَّ اللَّهَ فَرَضَ عَلَى الْأَغْنِيَاءِ فِي أَمْوَالِهِمْ بَقْدَرٍ مَا يَكْفِي فُقَرَاءَهُمْ،  
فَإِنْ جَاعُوا وَعَزُوا وَجَاهَدُوا فَيَمْنَعُ الْأَغْنِيَاءُ، وَحَقًّا عَلَى اللَّهِ أَنْ يُحَاسِبَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَيُعَذِّبَهُمْ عَلَيْهِ

Mafhumnya: Sesungguhnya Allah telah mewajibkan ke atas golongan kaya untuk memberikan sebahagian daripada harta mereka yang mencukupi keperluan golongan fakir. Maka, jika mereka lapar, tidak berpakaian, atau menghadapi kesulitan, itu disebabkan oleh keengganan golongan kaya menunaikan tanggungjawab mereka. Adalah menjadi hak Allah untuk menghisab mereka pada hari kiamat dan mengazab mereka atas perbuatan tersebut.

(Riwayat al-Bayhaqi dalam al-Khilāfiyyāt bayna al-Imām al-Shāfi’ī wa Abī Ḥanīfah wa Aṣḥābih (3943)).

Islam menekankan tanggungjawab sosial sebagai satu amanah moral terhadap golongan yang memerlukan, diabadikan melalui nas al-Quran dan hadis yang menuntun kepada keseimbangan

antara keadilan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat. Sebagaimana yang diperhalusi oleh Mevlyutov dan Gamzatov (2023) bahawa kewajipan membantu fakir dan miskin, termasuk pemenuhan keperluan asas mereka, melampaui ibadah seperti zakat, seolah-olah mengukuhkan benang halus antara tanggungjawab individu dan kemaslahatan kolektif. Harta dipandang bukan sekadar milik peribadi, tetapi amanah yang mesti dihidupkan untuk menyuburkan rahmat dan keadilan dalam masyarakat, terutamanya bagi mereka yang kurang berkemampuan. Dengan demikian, tindakan sosial ini bukan sahaja memenuhi tuntutan syarak, malah mencerminkan falsafah hidup Islam yang mengutamakan keseimbangan dan kemakmuran sepanjang zaman. Perbincangan berikut menggariskan kedudukan gelandangan dalam perspektif fiqh zakat:

### **Fakir dan Miskin**

Golongan gelandangan paling wajar diklasifikasikan dalam kategori asnaf fakir dan miskin, memandangkan realiti kehidupan mereka yang didominasi oleh kemiskinan bersifat kronik dan ketidakcukupan sumber asas untuk kelangsungan hidup (Johari et al., 2025). Dalam kerangka fiqh zakat, fakir merujuk kepada golongan yang hampir kehilangan akses kepada keperluan ekonomi asas, manakala miskin pula merujuk kepada mereka yang mempunyai pendapatan tetapi tidak mencukupi untuk menampung keperluan asas. Kedua-dua kategori ini mencerminkan keadaan gelandangan yang terperangkap dalam perjuangan harian untuk memenuhi keperluan minimum kehidupan. Secara empirik, sebahagian besar gelandangan bergelut dengan ketiadaan sumber pendapatan yang stabil, malah hasil penyelidikan Johari et al. (2025), dianggarkan sekitar 62 peratus tidak mempunyai pekerjaan langsung dan bergantung sepenuhnya kepada bantuan kebajikan serta derma awam. Keadaan ini menegaskan bahawa kemiskinan dalam kalangan gelandangan bukan bersifat sementara, sebaliknya merupakan manifestasi kegagalan struktur ekonomi dan jaringan keselamatan sosial untuk menjamin kelangsungan hidup yang bermaruah bagi golongan paling rentan.

### ***al-Riqab***

Garapan Kashim et al. (2021) dalam ‘Law enforcement principle in Islamic ruling on Zakat distribution to transsexuals, prostitutes and gigolos’ menukilkan golongan gelandangan juga berpotensi diklasifikasikan di bawah kategori *asnaf al-riqab*, meskipun tafsiran normatif kategori ini sering dikaitkan secara langsung dengan perhambaan fizikal. Dalam konteks kontemporari, konsep *al-riqab* telah mengalami peluasan makna melalui pendekatan ijtihad institusi oleh beberapa Majlis Agama Islam Negeri, yang mentafsirkan *al-riqab* sebagai gagasan pemerdekaan individu daripada pelbagai bentuk kekangan moden, termasuk kekangan pemikiran, penindasan ekonomi, kehilangan kebebasan sosial serta dominasi struktur kuasa yang menafikan keupayaan individu untuk hidup secara bermaruah (Rahman et al., 2018). Dari perspektif ini, kehidupan gelandangan boleh difahami sebagai satu bentuk ‘perhambaan baharu’ yang bersifat struktural, di mana individu terperangkap dalam kitaran keterasingan, ketidakupayaan ekonomi dan keterbatasan akses kepada peluang sosial. Oleh yang demikian, pengelasan gelandangan di bawah *asnaf al-riqab* bukan sahaja bersifat normatif dari sudut fiqh, malah mencerminkan keanjalan gagasan zakat dalam menyingkap realiti sosioekonomi mutakhir, sekali gus menegaskan peranan zakat sebagai instrumen pembebasan dan pemerkaasaan insan, bukan sekadar mekanisme bantuan kebajikan semata-mata.

### **Peranan Identiti Islam dan Sokongan Institusi Agama**

Pendekatan holistik yang menekankan sokongan keagamaan menjadi tunjang penting dalam usaha pemulihan gelandangan Muslim, kerana ia melebihi sekadar bantuan fizikal dan menumpukan kepada pembangunan spiritual serta kesejahteraan mental yang menyeluruh.

pengukuhan spiritual melalui penghayatan tauhid (*tawhidic paradigm*) dilihat sebagai langkah permulaan yang kritikal dalam transformasi identiti diri. Menurut Nong et al. (2022), kefahaman dan penghayatan tauhid membolehkan individu menstruktur semula perspektif hidup, memperkukuh taqwā (ketakwaan) dan membina benteng moral yang kukuh, sekaligus menahan kecenderungan terhadap tingkah laku yang tidak beretika. Selaras dengan ajaran Islam, penghayatan tauhid berfungsi sebagai kerangka ontologi yang mengubah cara individu mentafsir realiti kehidupan, daripada perspektif keputusan kepada kesedaran akan tujuan dan tanggungjawab sebagai hamba serta khalifah. Justeru, sokongan psiko-agama dan bimbingan moral yang berterusan memainkan peranan penting dalam memutus kitaran keterpinggiran sosial dan memperkukuh daya tahan emosi. Program yang dirancang secara santai dan bersifat inklusif terbukti lebih mudah diterima oleh gelandangan, kerana ia mengekalkan keterbukaan mereka terhadap bimbingan tanpa menimbulkan tekanan atau rasa terpaksa. Penekanan terhadap tanggungjawab sosial ini diperkuatkan melalui wahyu al-Quran yang menegaskan bahawa memberi makan golongan miskin adalah manifestasi iman. sebagaimana dikemukakan al-Bakri (2024) bahawa Dr. Yusuf al-Qaradhawi mengungkapkan dalam Surah al-Muddaththir, salah satu surah awal yang diturunkan, al-Quran memaparkan suatu gambaran di akhirat, di mana golongan kanan dalam kalangan Muslimin yang berada di syurga bertanya kepada golongan kafir dan para pendusta mengapa mereka dicampakkan ke dalam neraka. Golongan tersebut menjawab bahawa mereka dimasukkan ke dalam neraka kerana mengabaikan tanggungjawab terhadap golongan miskin, membiarkan mereka menderita kelaparan dan kekurangan. Firman Allah SWT:

كُلُّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ رَهِيْنَةٌ (38) إِلَّا أَصْحَابَ الْيَمِيْنِ (39) فِي جَنَّاتٍ يَتَسَاءَلُوْنَ (40) عَنِ الْمُجْرِمِيْنَ (41)  
مَا سَلَكَكُمْ فِي سِقْرٍ (42) قَالُوْا لَمْ نَكُ مِنَ الْمُصَلِّيْنَ (43) وَلَمْ نَكُ نَطْعِمِ الْمِسْكِيْنَ (44) وَكُنَّا نَخُوْضُ مَعَ  
الْخَائِضِيْنَ (45) وَكُنَّا نَكْذِبُ بِيَوْمِ الدِّيْنِ

“Tiap-tiap diri terikat, tidak terlepas daripada (balasan buruk bagi amal jahat) yang dikerjakannya, Kecuali puak Kanan, (Mereka ditempatkan) di dalam Syurga (yang penuh nikmat), mereka bertanya-tanya, Tentang (tempat tinggal) golongan yang bersalah, (Setelah melihat golongan yang bersalah itu, mereka berkata): “Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam (neraka) Saqar?” Golongan yang bersalah itu menjawab: “Kami tidak termasuk dalam kumpulan golongan yang mengerjakan sembahyang: “Dan kami tidak pernah memberi makan golongan miskin; “Dan kami dahulu selalu mengambil bahagian memperkatakan perkara yang salah, bersama- sama golongan yang memperkatakannya; “Dan kami sentiasa mendustakan hari pembalasan.”

(Surah al-Muddaththir: 38-46).

Oleh yang demikian, makna memberi makan golongan miskin dalam ayat tersebut turut merangkumi pemberian pakaian, perumahan, dan pemenuhan keperluan asas mereka. Menurut al-Tabari (2010) dalam ‘Tafsīr al-Ṭabarī min Kitābihi Jāmi’ al-Bayān ‘an Ta’wīl Āy al-Qur’ān’, firman Allah, وَلَمْ نَكُ نَطْعِمِ الْمِسْكِيْنَ (Dan kami tidak pernah memberi makan golongan miskin) merujuk kepada sikap kedekut terhadap nikmat yang telah dianugerahkan Allah SWT serta enggan menunaikan hak golongan yang memerlukan. Dalam konteks ini, inisiatif organisasi Islam seperti PERKIM (Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia) memperlihatkan bagaimana sokongan keagamaan dapat digabungkan secara efektif dalam strategi pemulihan. Catatan Ishak dan Shah (2019) mengemukakan bahawa PERKIM tidak hanya menyediakan bantuan material, tetapi turut menekankan pengukuhan identiti Muslim melalui kelas agama dan aktiviti pendidikan, khususnya bagi golongan berpendapatan rendah atau bekas gelandangan yang

berhasrat mengembalikan hubungan mereka dengan ajaran Islam. Pendekatan ini menekankan bahawa pemulihan gelandangan Muslim adalah suatu proses transformatif yang menyeluruh, memupuk disiplin diri, harapan dan keupayaan untuk bangkit daripada kitaran gelandangan secara bermaruah dan lestari.

### **Inisiatif dan Kritikan**

Pelbagai inisiatif telah digerakkan oleh pihak berkuasa dan organisasi bukan kerajaan (NGO) bagi menangani isu gelandangan Muslim, khususnya dalam konteks bandar yang menyaksikan peningkatan kerentanan sosial secara berterusan.

#### **Inisiatif Agensi Kerajaan**

- Ops Qaseh: pelaksanaan Ops Qaseh sejak tahun 2014 mencerminkan usaha berstruktur untuk menyantuni gelandangan melalui pendekatan penguatkuasaan berorientasikan kebajikan, dengan menempatkan mereka secara sementara di pusat perlindungan seperti Desa Bina Diri (DBD) (Michael & Teck, 2023).
- Anjung Singgah dan Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur: penubuhan Anjung Singgah dan Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur berfungsi sebagai instrumen sokongan antara yang menyediakan kemudahan tempat tinggal sementara, perkhidmatan kaunseling, rujukan pekerjaan serta keperluan asas seperti makanan, sekali gus bertujuan menstabilkan keadaan gelandangan sebelum proses pemulihan jangka panjang dilaksanakan (Adib et al., 2018; Fadzlina, 2018; Amir et al., 2024).
- Desa Bina Diri (DBD): Berperanan sebagai institusi pemulihan yang lebih komprehensif, dengan fokus kepada perlindungan, penjagaan dan pembangunan kemahiran golongan pengemis dan orang papa, agar mereka dapat dibentuk semula sebagai individu yang produktif dan mampu berintegrasi kembali dalam masyarakat arus perdana (Adib et al., 2018).
- Rumah Ehsan (RE) dan Rumah Seri Kenangan (RSK): Rumah Ehsan (RE) dan Rumah Seri Kenangan (RSK) menyediakan perlindungan serta penjagaan perubatan kepada warga emas yang ditinggalkan tanpa waris, menandakan keprihatinan negara terhadap kesejahteraan warga emas dan keterbiaran sosial dalam fenomena gelandangan (Michael & Teck, 2023).

#### **Inisiatif Organisasi Bukan Kerajaan (NGO)**

Organisasi seperti PERTIWI Soup Kitchen, Kechara Soup Kitchen (KSK) dan Kaseh4U giat menyediakan bantuan makanan, rawatan perubatan asas serta khidmat rujukan pekerjaan kepada gelandangan, khususnya di kawasan tumpuan bandar (Adib et al., 2018). Walaupun inisiatif ini memperlihatkan komitmen kemanusiaan yang tinggi, beberapa kritikan turut dikemukakan dalam wacana akademik dan dasar, terutamanya berkaitan sifat bantuan yang cenderung bersifat jangka pendek dan reaktif. Ketiadaan penyelarasan menyeluruh antara agensi kerajaan, institusi agama dan NGO berpotensi mengekalkan kitaran kebergantungan tanpa pemerkasaan struktural yang berkesan. Justeru, cabaran utama bukan terletak pada ketiadaan inisiatif, tetapi pada keperluan untuk merangka satu kerangka intervensi bersepadu yang menggabungkan perlindungan, pemulihan, pemerkasaan ekonomi dan pembinaan identiti spiritual secara serentak dan lestari.

#### **Kritikan terhadap Inisiatif yang Dilaksanakan**

Kritikan terhadap inisiatif sedia ada menyoroti keterbatasan pendekatan yang bersifat jangka pendek dan reaktif dalam menangani fenomena gelandangan. Contohnya, Anjung Singgah menyediakan penempatan sementara hanya selama dua minggu, suatu tempoh yang dinilai

tidak mencukupi untuk memberi kesan transformasi yang signifikan dalam kehidupan individu (Adib et al., 2018). Di peringkat NGO pula, walaupun bantuan yang diberikan, khususnya pemberian makanan percuma, menampakkan niat kemanusiaan yang tinggi, ia turut dikritik kerana secara tidak langsung berpotensi menimbulkan budaya kebergantungan dan mengurangkan inisiatif sendiri dalam kalangan gelandangan untuk mencari penyelesaian jangka panjang. Dari perspektif perundangan, Akta Orang Papa 1977 (DPA) yang bertujuan mengawal isu gelandangan turut dipersoalkan; sifat pemaksaan dan kawalannya dianggap menjejaskan kebebasan peribadi individu tanpa menawarkan mekanisme integrasi sosial yang praktikal dan lestari (Rusenko, 2015; Hamdan & Herman, 2020). Naratif perihal ini menekankan bahawa penyelesaian yang hanya menumpukan kepada perlindungan fizikal dan bantuan segera gagal menghadapi inti pati masalah, termasuk kemiskinan alami, keterasingan sosial dan ketiadaan peluang pemulihan ekonomi, sekali gus menegaskan keperluan pendekatan holistik yang menggabungkan perlindungan, pemerksaan, sokongan psikososial dan pembangunan kapasiti diri untuk mengembalikan gelandangan ke dalam arus masyarakat secara bermaruah.

### **Model Penyelesaian Komprehensif bagi Fenomena Gelandangan Muslim**

Cadangan penyelesaian secara tuntas bagi menangani isu gelandangan Muslim menekankan keperluan strategi yang inklusif dan lestari, yang tidak hanya menumpukan kepada penyediaan keperluan asas, tetapi juga merungkai faktor akar umbi yang mencetuskan kitaran keterpinggiran sosial. Pertama, strategi berasaskan agama dan sokongan psikososial adalah penting dalam membina jati diri dan motivasi individu. Pandangan Nong et al. (2022) mengemukakan pendekatan ini merangkumi pemberian bimbingan psiko-agama yang menyeluruh, kaunseling mental dan peribadi, serta pengukuhan nilai-nilai keagamaan yang dapat membantu gelandangan mengekalkan pekerjaan serta membina disiplin diri. Sokongan psikososial yang bersifat berterusan juga penting untuk menangani trauma, tekanan hidup, dan isu identiti yang sering menjadi penghalang kepada pemulihan diri secara menyeluruh.

Kedua, aspek perumahan dan ekonomi memerlukan intervensi yang bersifat membina dan berorientasikan pemerksaan. Drani et al. (2020) mengemukakan bahawa penyediaan skim perumahan mampu milik, seperti Skim Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), boleh diberikan sebagai ganjaran kepada individu yang menunjukkan komitmen untuk mengubah nasib diri, manakala projek penjanaan pendapatan di pusat perlindungan dapat memberi peluang praktikal bagi membina kemahiran dan kestabilan ekonomi. Gagasan Shafi et al. (2024) menyatakan penggunaan instrumen kewangan sosial Islam, termasuk zakat dan waqf, boleh dimanfaatkan untuk mengurangkan ketidaksamaan, membiayai rawatan kesihatan, dan menyokong program pemulihan jangka panjang. Ketiga, kolaborasi strategik antara kerajaan, agensi zakat dan NGO adalah teras kepada pembangunan penyelesaian holistik yang bersepadu (Johari et al., 2025). Kerajaan digalakkan untuk menyemak semula Akta Orang Papa (DPA) dengan menekankan integrasi isu kemiskinan dan kesihatan, sambil mengekalkan maruah dan autonomi individu sebagai prinsip utama. Melalui gabungan sokongan keagamaan, pemerksaan ekonomi, perlindungan perumahan dan dasar yang sensitif, penyelesaian menyeluruh ini mampu menjadikan pemulihan gelandangan sebagai satu proses transformatif yang berkesan dan berdaya tahan dalam menempuh era kontemporari di Malaysia.

### **Kesimpulan**

Secara holistik, fenomena gelandangan Muslim di Malaysia tidak wajar ditanggapi sebagai isu kebajikan bersifat pinggiran atau kegagalan individu semata-mata, sebaliknya harus difahami sebagai manifestasi krisis struktural yang berlapis, merangkumi dimensi ekonomi, institusi,

psikososial dan kerohanian. Analisis retrospektif melalui tinjauan literatur ini memperlihatkan bahawa kewujudan komuniti gelandangan Muslim berakar daripada kegagalan sistemik dalam menjamin keselamatan ekonomi, kestabilan perumahan dan jaringan sokongan sosial yang berfungsi secara inklusif, khususnya dalam konteks pembangunan bandar yang pesat dan bersifat eksklusif. Ketiadaan takrifan konseptual yang tuntas, ditambah pula dengan pendekatan dasar yang cenderung reaktif dan berasaskan penguatkuasaan, telah mengukuhkan kitaran keterpinggiran tanpa menawarkan laluan pemulihan yang benar-benar lestari. Fenomena gelandangan Muslim di Malaysia merupakan manifestasi krisis struktural yang merentas dimensi ekonomi, institusi, psikososial dan kerohanian, serta tidak wajar disempitkan sebagai kegagalan individu atau isu kebajikan sementara.

Analisis literatur menunjukkan bahawa kerapuhan sokongan keluarga, tekanan hutang, ketidakstabilan perumahan dan kelemahan penghayatan agama telah membentuk kitaran keterpinggiran yang berulang, manakala pendekatan dasar yang reaktif dan berorientasikan penguatkuasaan gagal menawarkan pemulihan yang lestari. Justeru, penyelesaian isu ini menuntut anjakan paradigma ke arah pendekatan holistik yang menggabungkan pemerkasaan ekonomi, sokongan psikososial, pengukuhan identiti Islam berteraskan tauhid serta pengoptimuman instrumen zakat dan jaringan institusi secara bersepadu. Instrumen zakat, sebagaimana dihuraikan melalui perspektif fiqh dan Maqasid al-Shariah, terbukti mempunyai potensi besar sebagai mekanisme keadilan sosial yang bersifat transformatif, bukan hanya bersandar kepada bantuan jangka pendek. Pengelasan gelandangan dalam kategori asnaf fakir, miskin, gharimin dan bahkan al-riqab dalam tafsiran kontemporari mencerminkan keanjalan fiqh Islam dalam menangani realiti sosioekonomi moden. Namun demikian, potensi ini masih belum dimanfaatkan sepenuhnya akibat kekurangan penyelarasan strategik antara institusi zakat, agensi kerajaan dan organisasi masyarakat sivil. Dalam menghadapi realiti dunia kontemporari yang sarat tekanan dan ketidaktentuan, golongan gelandangan Muslim perlu dibimbing untuk membina semula makna hidup, daya tahan emosi dan autonomi ekonomi, manakala masyarakat dan negara memikul tanggungjawab moral serta struktural untuk memastikan proses pemulihan berlangsung secara bermaruah, inklusif dan selari dengan prinsip keadilan sosial serta Maqasid al-Shariah.

## Rujukan

- Adib, N. A. M., Hussin, Z. & Ahmad, Y. (2018). How effective are the current initiatives in dealing with homelessness in Malaysia? *Journal of Administrative Science*, 15(3), 1-9.
- Amir, A. R., Ayob, Z., Shukor, F. S. A. & Saari, M. F. (2024). The influence of urban street furniture towards homeless in Kuala Lumpur, Malaysia. *Journal of the Malaysian Institute of Planners*, 22(6), 60-73.
- al-Bakri, Z. (2024). Memberi makan orang miskin adalah manifestasi iman (7330). <https://zulkifliabakri.com/artikel/memberi-makan-orang-miskin-adalah-manifestasi-iman>. [Akses 13 Januari 2026].
- al-Bayhaqi, Abu Bakar. (2015). *al-Khilāfiyyāt bayna al-Imāmayn al-Shāfi‘ī wa Abī Ḥanīfah wa Aṣḥābih*. al-Qahirah: al-Rawdah li al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- al-Bayhaqi, Abu Bakar Ahmad ibn al-Husayn. (2003). *Shu‘ab al-Iman* (Ed. 1). Riyadh: Maktabat al-Rushd.
- Chamberlain, C. & MacKenzie, D. (2006). Homeless careers: A framework for intervention. *Australian Social Work*, 59(2), 198-212.
- Drani, S., Azman, A. & Singh, P. S. J. (2020). Combating homelessness: Insights from a homeless population. *Malaysian Journal of Society and Space*, 16(3), 83-93.
- Fadzlina. (2018). Homeless women and children - “I see, I support”. StraComm USIM. <https://www.usim.edu.my/news/homeless-women-children-see-support/> [Akses 13 Januari 2026].
- Halid, S. (2025). 515 gelandangan berusia bawah 18 tahun antara yang diambil JKM sepanjang hampir 5 tahun lalu. *Berita Harian* (Berita Nasional). <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/07/1423554/515-gelandangan-berusia-18-tahun-antara-diambil-jkm-sepanjang-hampir> [Akses 13 Januari 2026].
- Hamdan, N. S. & Herman, S. S. (2020). Homeless in Kuala Lumpur: A way out of the street. *Malaysia Architectural Journal*, 2(1), 17-24.
- Hisham, N. N. & Amin, N. D. M. (2023). Designing for homeless in Kuala Lumpur: Concepts and case studies. *International Journal of Integrated Engineering*, 15(6), 250-258.
- Ishak, N. & Shah, P. M. (2019). A community of reverts in PERKIM, Malaysia: Of socio-religious adaptation. *Journal of Education and Social Sciences*, 13(1), 71-76.
- Johari, M. L., Malik, N. M. A. N. A. & Wahid, H. (2025). Classification of the homeless as one of Asnaf Zakat: A case study of the Federal Territory of Kuala Lumpur. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 8(12), 4273-4287.
- Kashim, M. I. A. M., Adnan, N. I. M., Adnan, H. M. & Adnan, N. I. M. (2021). Law enforcement principle in Islamic ruling on Zakat distribution to transexuals, prostitutes and gigolos. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(6), 215-224.
- Kaur, P., Jawaid, A., Ming, K. H., Esa, M. S., Somroo, M. A. & Haq, M. I. U. (2020). Determinants, need assessment and solutions of youth homelessness in Malaysia. *Ilkogretim Online - Elementary Education Online*, 19(4), 3799-3816.
- Matali, A. & Rahman, A. A. (2019). Pemerkasaan institusi zakat dalam menangani keperluan individu muflis di bawah *asnaf al-gharimin* di Brunei Darussalam. *Journal of Fatwa Management and Research*, 17(2), 413-445.
- Mevlyutov, A. S. & Gamzatov, A. A. (2023). Проблема социальной ответственности в исламе [The problem of social responsibility in Islam]. *Minbar. Islamskie Issledovaniâ*, 16(1), 117-125.
- Michael, E. & Teck, T. B. (2023). Understanding homelessness in Malaysia: Effects and solutions. *International Journal of Advanced Natural Sciences and Engineering Researches*, 7(3), 178-187.

- Nong, N. F. M., Mohamed, R., Idris, M. R., Zakaria, W. F. A. W. & Nor, A. Y. M. (2022). Islamic identity and religious support system for Muslim homelessness. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7(1), 781-789.
- Rahman, A. A., Thaidi, H. A. A., Rahman, M. F. A. & Baharuddin, A. S. (2018). Golongan LGBT sebagai penerima zakat menurut konteks masalah. *Jurnal Pengurusan Jawhar*, 12(2), 101-113.
- Rusenko, R. M. (2015). Homelessness, begging, and the destitute persons act 1977. Policy paper. Kuala Lumpur: t.tp.
- Shafi, R. M., Haris, S., Harman, M. H., Misman, F. N. & Mohd Rasid, M. E. S. (2024). A framework for healthcare services affordability for the homeless in Malaysia: Addressing inequalities. *Information Management and Business Review*, 16(1), 183-194.
- al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad ibn Jarir. (2010). *Tafsīr al-Ṭabarī min Kitābihi Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āy al-Qur'ān*. Bayrut: Mu'assasat al-Risālah.
- al-Tirmidhi, Muhammad ibn 'Isa ibn Surah. (t.th.). *Sunan al-Tirmidhi*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Yani, N. M. A., Zahari, N. Z., Samah, N. F. H. A., Azahar, M. A. F. M., Yasin, S. M., Saman, M. S. A. & Noor, N. A. M. (2016). Factors associated with homelessness and its medical issues among urban Malaysians: A qualitative research. *Journal of Clinical and Health Sciences*, 1(1), 46-58.